

**Konvensyen Kebangsaan mengenai Perlindungan Murid
daripada Eksploitasi Seksual**

**UCAPAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail,
Isteri YAB Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun
Razak

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Bin Shari,
Dato' Menteri Besar Selangor

Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek,
Menteri Pendidikan

Para pegawai kanan Kerajaan,

Para guru dan pendidik sekalian serta para hadirin yang dihormati.

1. Majlis pada hari ini merupakan cetusan idea di antara Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha tegas Kerajaan Madani untuk membanteraa jenayah dan eksploitasi seksual di kalangan kanak-kanak.

2. **Perjalanan ini bermula pada tahun 2017**, apabila kami telah mengenal pasti adanya kelemahan dalam undang-undang untuk menangani dan mendefinisikan jenayah seksual terhadap kanak-kanak, satu jenayah yang amat keji yang telah lama wujud tetapi semakin bertambah buruk dengan kemajuan teknologi. Kami telah

merangka, membentangkan dan berjaya mendapat kelulusan bagi pewartaan **Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]**, satu undang-undang yang dirangka khusus untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

3. Namun begitu, isu ini jauh dari selesai. Undang-undang yang baik sahaja tidak mencukupi sekiranya masih terdapat “under-reporting”. Ini adalah cabaran besar yang dihadapi **sekarang**. Maka, ianya memerlukan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak, dan tindakan tegas dari setiap sudut masyarakat untuk melindungi golongan yang paling rentan dalam kalangan masyarakat kita.

4. Kita semua sedar akan **penerapan nilai-nilai moral seperti maruah (*honour*) dan perasaan malu (*shame*)** dalam kalangan masyarakat kita. Namun demikian, nilai-nilai sama yang dipupuk sejak kecil kepada anak-anak kita telah **menjadi halangan budaya yang menyekat pelaporan** dan penyelesaian kes-kes eksploitasi seksual terutamanya di kalangan kanak-kanak. Isu ini sering kali **disembunyikan dan dipendam dek kerana rasa malu dan bimbang akan stigma sosial yang bakal dihadapi**.

5. Sebanyak **80% daripada pelaku adalah individu yang dikenali oleh mangsa**, menjadikan **situasi ini lebih rumit dan berisiko bagi mangsa untuk melaporkan kes tersebut**.

6. Seperti mana yang para hadirin sedia maklum, **di bawah Seksyen 19 Akta 792, adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang itu mempunyai pengetahuan tentang kes penderaan seksual kepada kanak-kanak tetapi tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa.**

7. Adalah **penting untuk memahami bahawa sebagai pendidik, terdapat perlindungan undang-undang yang khusus untuk melindungi anda apabila anda bertindak dengan niat yang baik untuk melaporkan kebimbangan anda, walaupun tanpa bukti konkrit atau penyiasatan secara terperinci dan menyeluruh, cukup dengan hanya rasa syak wasangka.**

8. Pertama sekali, saya **ingin meyakinkan anda, bahawa undang-undang memberikan perlindungan kepada pendidik yang melaporkan apa-apa syak wasangka bahaya atau salah laku yang melibatkan murid-murid dalam negara ini.**

9. Adalah penting untuk mengambil perhatian kepada interpretasi undang-undang oleh Mahkamah seperti yang dinyatakan dalam kes

Lee Yoke Yam v Chin Keat Seng [2013] 1 MLJ 145, di mana keistimewaan mutlak terhadap fitnah (***absolute privilege against defamation***) diberikan terhadap kenyataan yang dibuat dalam laporan polis. Tujuan keistimewaan ini diperluaskan adalah untuk menggalakkan orang ramai, termasuk pendidik, melaporkan sebarang aktiviti atau kesalahan yang mencurigakan yang mereka hadapi dan ini ditekankan di Mahkamah Persekutuan bagi memberi gambaran tentang persekitaran selamat kepada pemberi maklumat, untuk membantu dalam pengesanan dan pencegahan awal. Tambahan juga, di bawah **Kanun Keseksaan [Akta 574]** dan **Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]**, terdapat peruntukan khusus yang melindungi individu yang melaporkan syak wasangka penderaan atau pengabaian kanak-kanak. Seksyen 177, 182, dan 203 Kanun Keseksaan bukan sahaja menggariskan keseriusan memberikan maklumat palsu kepada pihak berkuasa, tetapi ia juga menekankan bahawa pelaporan yang jujur bukan sahaja dilindungi tetapi digalakkan. Selain itu, **Seksyen 116 Akta Kanak-Kanak 2001** secara jelas menyatakan bahawa individu yang melaporkan kebimbangan mengenai kebajikan kanak-kanak dilindungi daripada liabiliti untuk fitnah atau pelanggaran kelakuan profesional.

Hadirin sekalian,

10. Pihak penguat kuasa undang-undang – PDRM, khidmat sokongan kanak-kanak – JKM, khidmat pendamping guaman –

JBG, pemelihara hak kanak-kanak – SUHAKAM, pelindung akar umbi – NGO, dan semua yang hadir termasuklah secara maya melalui laman media sosial BHEUU dan KPM, haruslah bersatu dalam kerjasama antara agensi-agensi sepanjang proses keadilan tersebut dikendalikan dengan memberikan perlindungan yang berterusan. Kecuaian atau sifat acuh tak acuh mana-mana pihak akan mengurangkan kebolehpercayaan dalam usaha memberi perlindungan kepada golongan kanak-kanak.

11. Saya menyeru agar para guru terutamanya, **untuk menyelitkan elemen dalam kurikulum bilik darjah seperti pendekatan kreatif yang tidak hanya mendidik murid-murid di sekolah tentang hak-hak mereka tetapi juga tentang medium dan pengetahuan agar mereka dapat mengenal pasti, menolak, dan melaporkan sebarang kes penderaan dalam apa jua bentuk.**
12. **Para pendidik perlulah sentiasa berwaspada, berbelas kasihan, dan yang paling penting, bersikap proaktif dalam mencipta persekitaran yang selamat dan kondusif sehingga kanak-kanak berasa diperkasakan untuk bercakap tanpa rasa takut akan dihakimi oleh masyarakat secara membuta tuli dan takut menerima kutukan dan reaksi negatif masyarakat sekeliling.**
13. Tidak boleh dinafikan bahawa penjenayah secara berterusan giat mencari kaedah inovatif untuk melakukan kesalahan seksual terhadap anak-anak kita, **dengan memanfaatkan kebolehcapaian**

dan kerahsiaan yang dibekalkan oleh platform media sosial. Pertambahan aktiviti haram, termasuk perdagangan bahan penderaan seksual kanak-kanak telah **melangkaui Dark Web kepada platform media sosial *mainstream* dan Open Web yang lain, sering mengelak daripada pengesanan.** Teknologi kecerdasan buatan (AI) yang semakin maju akan terus berkembang, maka sebagai penggubal undang-undang, ia adalah penting untuk kita terus berwaspada dan membuat persiapan dari sekarang agar kita dapat ***stay one step ahead*** dalam perkara ini.

14. Oleh demikian, pada tahun 2023 juga saya telah **meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017** untuk **menangani penstriman langsung seks dan pemerasan seksual khususnya dalam talian.** Kesalahan-kesalahan baharu tersebut adalah undang-undang bersifat *substantive*, dimana tahun ini, kami sedang menggubal *procedural law* iaitu Online Harms Bill bagi membekalkan "**kill switch**" untuk **memberi kuasa kepada pihak penguatkuasaan bagi mengambil tindakan untuk menghentikan tindakan haram dalam talian dengan segera.**

Hadirin sekalian,

15. Yang paling penting, kita harus mendengar dan mempercayai anak-anak kita. Dari perspektif pemerhati (*bystanders*), ini adalah penting **untuk mengiktiraf bahawa kanak-kanak pada umumnya bersifat**

**jujur apabila melaporkan pengalaman trauma seperti itu.
Kepercayaan ini akan membina budaya di mana kanak-kanak
merasa didengari, disokong dan berkuasa untuk bercakap tanpa
rasa takut atau ragu.**

Sekian. Terima kasih.